



**TALKING POINTS**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**INISIATIF “HIJRAH WARRIOR’ WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KUALA LUMPUR**

**DI**

**ANJUNG KELANA, TAMAN DESA, KUALA LUMPUR**

**8 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**WAKTU : 4.00 PETANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

1. Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa komited dalam membantu golongan gelandangan di ibu kota supaya mereka dapat **membebaskan diri daripada kehidupan bergelandangan dan menjalani kehidupan yang lebih baik.**
2. Dalam usaha untuk merealisasikan matlamat tersebut, Kementerian telah merangka pelbagai strategik dan pendekatan dari masa ke semasa ke semasa. Antaranya adalah mewujudkan Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan di Jalan Medan Tuanku yang menjadi pusat penempatan dan pusat latihan kepada gelandangan sejak tahun 2016.
3. Selain daripada itu kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk berkerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan menawarkan perkerjaan kepada 166 orang gelandangan untuk berkerja dalam industri perkilangan, pembuatan, makanan dan peruncitan melalui Program Penempatan Perkerjaan pada bulan Mei 2021.
4. Seterusnya, Projek Kebun Bandar Hijrah Warrior di Pusat Transformasi Anjung Kelana juga telah diperkenalkan, bagi membuka peluang kepada golongan gelandangan untuk melatih diri mereka mengenai pengurusan kebun bandar disamping menjana pendapatan mereka sendiri. Dan bagi memastikan inisiatif ini terus berkembang, Kementerian dan DBKL bersama Persatuan Kebajikan golongan Asnaf dan Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor (KASGE) menggiatkan usaha **memasarkan hasil produk pertanian dari Anjung Kelana dengan lebih sistematik kepada masyarakat melalui Hijrah Warrior Mart.**

5. Pihak KASGE telah **mengenalpasti beberapa unit rumah kedai lagi untuk dijadikan kedai Hijrah Warrior Mart** bagi membolehkan mereka terlibat secara langsung dalam sektor peruncitan dengan bekerja sebagai usahawan peruncitan dengan bantuan dan sokongan oleh SME. **Gerai Hijrah Warrior Mart pertama akan dibuka di Teratak Muhibbah 1, Taman Desa, Kuala Lumpur.**
6. Gerai Hijrah Warrior Mart ini akan beroperasi dari jam 9 pagi hingga 9 malam, seramai 4 orang gelandangan akan berkerja mengikut syif (2 orang bagi setiap syif). Kesemua mereka akan dibayar gaji minima sebanyak RM1,200 dan turut disediakan tempat penginapan.
7. Sebagai permulaan Hijrah Warrior Mart ini akan memberikan tumpuan kepada penjualan hasil produk daripada Hiliran Anjung Kelana dan Kebun Kejiranan Bandar LA21 Kuala Lumpur, selain daripada itu produk-produk keluaran stakeholders lain seperti Yayasan Kebajikan Negara dan PERTIWI juga akan turut dijual di gerai ini.
8. **Pusat Hijrah Warrior Mart juga akan dijadikan sebagai hub keusahawanan sosial** oleh Badan Bukan Kerajaan (NGOs) dan Tokoh-Tokoh Individu (NGIs) untuk membantu golongan terkesan khususnya dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara dengan menjadikan Hijrah Warrior Mart tempat penyaluran dan pengumpulan sumbangan kepada golongan sasar setempat.
9. Melalui inisiatif Hijrah Warrior Mart, kita dapat **melahirkan usahawan peruncitan dikalangan gelandangan** yang dilatih di Anjung Kelana untuk diserapkan sebagai Usahawan Sosial (Social Enterprise) bagi memastikan mereka memiliki pendapatan tetap dengan bekerja sambil berniaga produk hasil di Anjung Kelana dan juga produk SME yang lain.

10. Pada masa yang sama pihak KASGE akan turut **melatih peserta Hijrah Warrior Mart mengenai pengurusan perniagaan secara fizikal dan atas talian** pada masa yang sama menjadikan mereka sebagai Local Champion dalam aktiviti Circular Economy dan aktiviti pertanian bandar.
11. Kementerian merancang untuk memperluaskan konsep Hijrah Warrior Mart ini ke semua PPR dan PA DBKL pada masa yang akan datang. Disamping itu, kementerian juga akan mengenalpasti ruang dan peluang lain yang boleh membantu bagi mengembangkan program ini, ini termasuk platform *online* yang membolehkan orang ramai untuk membeli produk-produk Hijrah Warrior Mart dengan lebih mudah.
12. Semoga pelaksanaan program ini akan menjadi *total* penyelesaian kepada isu gelandangan di Wilayah Persekutuan disamping menjadi satu titik perubahan dalam kehidupan gelandangan itu sendiri supaya mereka dapat **keluar daripada kehidupan bergelandangan dan menjadi seorang usahawan yang berjaya dalam “Keluarga Malaysia”** di masa yang akan datang.